

15/04/1997

Syarikat awam boleh ikuti hompej EBEA

SYARIKAT awam tersenarai dan sendirian berhad milik Bumiputera kini boleh mendapat laluan mudah di Internet menerusi halaman jaringan dan hompej Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera (EBEA).

Projek halaman jaringan dan hompej EBEA yang dikendalikan oleh Pergerakan Wanita Umno itu adalah sebahagian agenda sambutan 50 tahun Umno dan menyahut saranan Perdana Menteri memanfaatkan kewujudan Koridor Raya Multi Media (MSC) di negara ini.

Ketua Pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pihaknya membelanjakan kira-kira RM3 juta untuk menghasilkan projek perintis bagi mewujudkan halaman jaringan dan hompej itu.

Menurutnya, langkah itu membolehkan lebih daripada 100 syarikat senarai awam dan sendirian berhad mendapat laluan dalam Internet di seluruh dunia.

Katanya, halaman jaringan itu dijangka dapat dibaca oleh lebih daripada 300,000 pengguna Internet di seluruh negara dan lebih 100 juta lagi di seluruh dunia.

Selain itu, orang ramai boleh mendapat maklumat mengenai pelbagai sektor ekonomi seperti peladangan, maritim dan perkapalan, petroleum, lapangan terbang, penerbangan, pembangunan laluan ekspres dan tenaga, pendidikan, telekomunikasi, kewangan, pembangunan hartanah, automotif dan pengangkutan.

"Melalui halaman jaringan dan hompej itu, pengguna Internet dapat mengikuti perkembangan ekspo sekali gus menggalakkan mereka mengunjungi ekspo 10 hari itu, bermula 16 April depan," katanya selepas prelu media mengenai EBEA di Kuala Lumpur, semalam.

Ekspo itu yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Projek halaman jaringan dan hompej itu diuruskan bersama Tiara Sutera Marketing Sdn Bhd, syarikat Internet dan Multimedia milik Bumiputera dan Financial Communications (M) Sdn Bhd.

Zaharah berkata, halaman jaringan EBEA boleh dibuka oleh pengguna Internet di seluruh negara bermula jam 2 petang, pada masa sebenar waktu Malaysia di laluan [Http://www.iweb.com.my/UMNO.htm](http://www.iweb.com.my/UMNO.htm).

Katanya, segala fakta mengenai ekspo termasuk kalendar harian dan perkara lain seperti perbincangan motivasi Ketua Pegawai Eksekutif dan peluang karier dalam 11 sektor ekonomi di negara ini, boleh diperolehi menerusi klip video multimedia.

(END)